



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM **19 Jamadilakhir 1443 / 22 Januari 2022**

- I. Pada hari ini, Sabtu 19 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 22 Januari 2022, sebanyak **18 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **Jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 16,084 orang.**
 - Daripada jumlah tersebut, **16** adalah kes tempatan manakala **2** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **1,469 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **1.2%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **Kategori 5** (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **32 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,632 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **350 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **9.3%**.
4. Sehingga kelmarin, 21 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.7%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.9%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **36.1%**.
5. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa perkhidmatan Klinik Vaksinasi COVID-19 Bergerak bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah akan dijalankan minggu depan bagi pesakit-pesakit yang terpilih sahaja yang mengalami kesukaran bergerak atau terlantar di katil. Perkhidmatan rumah-ke-rumah ini akan dijalankan di beberapa Mukim dari jam 9:00 pagi hingga 2:30 petang pada tarikh-tarikh berikut:

- 24 Januari 2022 di Mukim Berakas ‘A’, Mukim Berakas ‘B’, Mukim Mentiri dan Mukim Serasa.
- 25 Januari 2022 di Mukim Telisai, Mukim Pekan Tutong, Mukim Keriam, Mukim Kiudang, Mukim Seria dan Mukim Liang.
- 26 Januari 2022 di Mukim Kiudang dan Mukim Kuala Belait.
- 27 Januari 2022 di Mukim Ukong dan beberapa mukim di kawasan Kampung Ayer.
- 29 Januari 2022 di Mukim Lamunin, Mukim Kiudang dan beberapa mukim di kawasan Kampung Ayer.

Pesakit yang memenuhi kriteria bagi perkhidmatan rumah-ke-rumah ini akan lebih awal dihubungi oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi saringan awal, dan mereka adalah diminta untuk memberikan nombor kad pengenalan atau pasport, serta kad (atau nombor) Brunei-HIMS, jika ada.

6. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 2 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kedua-duanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

7. Marilah bersama-sama melindungi diri dan orang yang kita sayangi dari wabak COVID19 dengan melaksanakan langkah-langkah pengawalan seperti yang dinasihatkan oleh pihak Kerajaan. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melindungi Negara Brunei Darussalam dari segala musibah dan bencana khususnya wabak COVID-19.. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin..

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 19 Jamadilakhir 1443H / 22 Januari 2022